

# 'Saya tarik tangan adik'

Metro. 23/5/2011 MS 4

Kaki mangsa tersangkut besi sebelum kepala ditimpa batu, abang cuba korek tanah sambil menangis

## Tragedi tanah runtuh di Hulu Langat

>>Oleh Yusri Abdul Malek, Zaitie Satibi, Mohd Husni Mohd Noor, Hayati Ibrahim, Mohamad Apendy Ishak, Raja Noraina Raja Rahim, Asmah Rusman, Nurhidayu Razali, Muhammad Hafis Nawawi, Nurul Ekhwan Haque Fazlul Haque dan Siti A'isyah Sukaimi  
am@metro.com.my

**K**UALA LUMPUR: "Saya tarik tangan adik ketika kami lari menyelamatkan diri, tapi kaki adik tersangkut pada besi khemah dan dia jatuh. Saya tarik lagi tangannya tapi runtuh batu mula menuju ke arah kami dan menimpa kepala adik."

"Saya mahu mengorek tanah mencari adik, namun orang ramai menghalang. Saya terus menangis kerana hanya mampu melihat adik terimbus di depan mata."

Demikian luahan Mohd Awie Abdul Latif, 11, menceritakan detik kematian adiknya, Mohd Riezman, 9, dalam tragedi tanah runtuh yang meragut 16 nyawa dan mencederakan sembilan penghuni Rumah Anak-anak Yatim dan Anak-anak Hidayah Madrasah Al-Taqwa, Hulu Langat dekat sini, kelmarin.

Mohd Awie yang ditemui di luar Bilik Mayat Hospital Kuala Lumpur (HKL) di sini, semalam berkata, sebelum kejadian pada jam 2.30 petang itu dia, Mohd Riezman dan kebanyakan penghuni



**SYAHDU...**jenazah tujuh korban tanah runtuh disembahyangkan di Masjid Sultan Hishamuddin Alam Shah, Hulu Langat.



**SEBAK...**Awie yang sebak ditenangkan bapa saudaranya di Rumah Mayat Hospital Kuala Lumpur, semalam.

lain berada di dalam khemah untuk melakukan persiapan bagi majlis serahan bantuan oleh seorang pegawai Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas).

"Ketika itu, Riezman berada dekat dengan saya. Kemudian, ada orang menjerit supaya menyelamatkan diri kerana ada tanah runtuh lalu kami semua segera lari. Saya sungguh terkilan kerana tak sempat menyelamatkan adik," katanya.

Menurut Mohd Awie, ketika ulang tahun hari lahir Mohd Riezman Januari lalu, adiknya memberitahu dia mahukan minyak wangi dan jam tangan sebagai hadiah hari jadi.

"Saya sempat membelikannya hadiah itu dan dia sangat gembira kerana dia memang suka pakai minyak wangi," katanya mengimbas kenangan manis terakhir bersama Mohd Riezman.

Jenazah Mohd Riezman dikuburkan dalam satu liang



**PILU...**Norlia Mohd Raus, ibu kepada Nurahimi Rosdi mengesat air matanya.

lahad di tanah perkuburan Jenderam Hilir, Dengkil, bersama sepupunya, Mohd Kamarul Amizan Johari, 11, kira-kira jam 2.30 petang semalam.

Mohd Awie, Mohd Riezman dan Mohd Kamarul Amizan yang lebih mesra dengan panggilan Boboy sama-sama belajar di rumah itu sejak tiga tahun lalu.

Bapa Boboy, Johari Awang, 40, berkata, tragedi itu benar-benar memberi tamparan hebat kepada mereka sekeluarga, namun reda dengan ketentuan yang sudah ditetapkan ke atas dua bersaudara itu yang banyak belajar ilmu agama sepanjang mereka menghuni rumah berkenaan.

Johari berkata, dia mengetahui kejadian itu kira-kira jam 5.30 petang kelmarin selepas dimaklumkan anak saudara melalui SMS.

"Setiba di lokasi, kami mendapati hanya Awie tidak terperangkap dan selamat ma-

### >Mangsa terkorban

	Usia
1) Mohd Kamarul Amizan,	11
2) Nurahimi Rosdi,	14
3) Dzahir Haziq Mohd Muin,	11
4) Ahmad Lokman Hakim,	11
5) Farid Ibrahim,	34
6) Mohd Azret Azahari,	8
7) Wan Ahmad Hasril Hazim,	11
8) Zahid Assawal Zamri,	19
9) Mohd Mustakim Mamat,	12
10) Mohd Naerzein M. Nor,	8
11) Mohd Aiman Abdullah,	10
12) Shahrul Nurimran Adnan,	9
13) Mohd Zaid Azahari,	14
14) Mohd Imal Fahad,	9
15) Mohd Riezman Abdul Latif,	9
16) Mohd Hazim Sapri,	10

### >Mangsa terselamat

1) Mohd Aizat Khusyairi Abdul Karim, 12 (dipotong kaki kiri) dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU).	
2) Mohd Ailaudin Safri, patah tangan kiri.	14
3) Mohd Syafiq Ibrahim, cedera di tengkuk	22
4) Khairul Anuar Nazmi, cedera kaki kanan	9
5) Mohd Harris Izzueddin Sahrul, cedera kaki kanan.	11
6) Zulkhairi Aminuddin, (dipotong kaki kanan) dan dirawat ICU.	13
7) Izzuddin Abdullah,	30
8) Mohd Erwan Zakaria, (cedera di kepala) masih di ICU	33
9) Mohd Akmal Mohd Jefri,	10

nakala nasib Riezman dan Boboy tidak diketahui. Kami ditempatkan di sebuah resort berdekatan bagi menunggu perkembangan lanjut.

"Nasib kedua-duanya hanya kami ketahui kira-kira jam 5.30 pagi (semalam). Walaupun sedih, kami bersyukur kerana mereka berjaya ditemui dan dikeluarkan dari runtuh tanah itu," katanya.

Boboy mangsa terakhir yang dikeluarkan iaitu jam 5.05 pagi semalam, manakala Mohd Riezman ditemui kira-kira jam 4.35 pagi selepas lebih 12 jam tertimbus.